

6 December 2014

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Ulangan Persijilan RSPO Bagi Pamol Plantations Sdn Bhd, Kilang Kelapa Sawit Pamol Kluang – Kluang, Johor, Malaysia**

Pamol Plantations Sdn Bhd, anak syarikat IOI Corporation Berhad, telah melantik BSI untuk melaksanakan penilaian ulangan persijilan RSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Pamol Kluang dan ladang-ladanginya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 6 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat berkenaan. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Batu 8 ½, Jln. Mersing, 86007 Kluang, Johor, Malaysia.

BSI merancang untuk melakukan penilaian persijilan ulangan Kilang Kelapa Sawit Pamol Kluang pada 6th to 9th January 2015. Penilaian ulangan akan diadakan menurut Interpretasi RSPO P&C 2013, Interpretasi Nasional Malaysia (MYNI 2010) RSPO Prinsip dan Kriteria, dan RSPO Supply Chain Standard for CPO Mills, Module D – Segregation: Nov 2011. Penilaian ulangan juga akan menilai pelaksanaan RSPO Principles and Criteria for the Production of Sustainable Palm Oil: 2013. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian RSPO P&C.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

<b>Kilang Kelapa Sawit Pamol Kluang dan Ladang - Ladang</b>	
Nama kilang	Pamol Kluang Oil Mill
Alamat	½ Miles, Jln. Mersing, 86007 Kluang, Johor, Malaysia
Rujukan GPS	NORTHING - 2° 6' 36" EASTING - 103° 23' 24"
Pengeluaran CPO (Anggaran 2015) (MT)	59,458 mt
Pengeluaran PK (Anggaran 2015) (MT)	13,925 mt
Pengeluaran FFB (Anggaran 2015) (MT)	252,960 mt

<b>Ladang</b>	<b>Kawasan Matang (Ha)</b>	<b>Kawasan Belum Matang (Ha)</b>	<b>Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)</b>	<b>Anggaran Pengeluaran FFB untuk Tahun 2015 (MT)</b>
Pamol Timur	1,401	715	2,296.59	27,300
Pamol Barat	1,495	686	2,313.82	34,000
Mamor	2,074	0	2,230.00	61,330
Unijaya	1,028	156	1260.64	25,200
Kahang	2,279	0	2,420.00	75,210
Swee Lam	938	326	1,292.32	29,920
<b>TOTAL</b>	<b>9,215</b>	<b>1,883</b>	<b>11,541.03</b>	<b>252,960</b>

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawai BSI adalah sebuah Badan Piawai Kebangsaan United Kingdom. BSI Group adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang mempunyai pejabat yang telah di akreditasi untuk persijilan RSPO di Jakarta dan pejabat urusan di Singapura, Kuala Lumpur dan Bangkok.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit ulangan di Kilang Kelapa Sawit Pamol Kluang dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

**Mr. Senniah Appalasamy** sebagai ketua Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang dan Kilang Kelapa Sawit, Penilaian kriteria "Supply Chain" di kilang, Sosial, Alam Sekitar, pengurusan HCV, Aspek Undang-Undang dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja); **(Mr. Muhd Haris Abdullah** as team member (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang dan Kilang Kelapa Sawit, Alam Sekitar, Sosial, Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran. Temuduga Pekerja dan Undang-Undang); **Mr. Kelvin Lim** as team member (Sosial, Temuduga Pekerja dan Undang-Undang).

Sebagai persediaan untuk proses ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima pada atau sebelum 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
Alamat: .....  
Email: .....  
Nombor Telefon: .....  
Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Aryo Gustomo  
**PT BSI Group Indonesia**  
Menara Bidakara 2, 17th Floor, Unit 5  
Pancoran, Jakarta  
Indonesia 12870  
Fax: +6221 8379 3287  
Email: [aryo.gustomo@bsigroup.com](mailto:aryo.gustomo@bsigroup.com)

**DAN/ATAU**


Ketua Juruaudit:  
Mr. Senniah Appalasamy  
BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
B-08-01 (East), Level 8,  
Block B, PJ8, No. 23  
Jalan Barat, Seksyen 8,  
46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia  
Fax : +603-7960 5801  
Email : [senniah.appalasamy@bsigroup.com](mailto:senniah.appalasamy@bsigroup.com)

**ATAU**

Auditee:  
Mr. Too Heng Liew  
**Pamol Plantations Sdn Bhd (IOI Corporation Group)**  
Pamol Kluang Oil Mill  
P.O. Box 1, 86007 Kluang, Johor, Malaysia  
Email : [hltoo@ioigroup.com](mailto:hltoo@ioigroup.com)  
Fax : +603-8947 8988

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....  
Aryo Gustomo  
RSPO Scheme Manager